

15/07/2001

PM tempelak pakatan pembangkang

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kegagalan PBS dan Keadilan mencapai kata sepakat supaya hanya seorang calon pembangkang bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Likas sebagai `perkahwinan menjelang pilihan raya.'

Perdana Menteri berkata, memang itulah yang kerap terjadi kepada pembangkang kerana hubungan yang tidak tetap.

"Itulah pembangkang...dia ada perkahwinan untuk keselesaan apabila dekat pilihan raya. Lepas itu, bercerai untuk keselesaan, selepas pilihan raya. Lepas itu kahwin lagi sekali.

"Jadi bila kita kahwin, kita bercerai, kita kahwin, kita bercerai, maka perhubungan memang tak baiklah. Macam BN ini, kita kahwin sekali saja, tak pernah bercerai lagi," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan sesi ketiga Dialog PraBelanjawan 2002 di sini semalam.

Pada pilihan raya kecil itu, Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee yang mewakili BN dicabar tiga calon lain iaitu Dr Chong Eng Leong dari Parti Bersatu Sabah (PBS), Christina Liew mewakili Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan calon Bebas, Joshua Kong.

Kawasan DUN Likas mempunyai 26,196 pemilih berdaftar yang kebanyakannya Bumiputera Islam. Pengundian ditetapkan 21 Julai ini.

Pada pilihan raya negeri 1999, Yong memenangi kerusi itu dengan majoriti 4,962 undi, menewaskan Chong, Datuk Haris Salleh dari Parti Bersekutu dan tiga yang lain, Zulkifli Lajah (Setia), Yahya Kassim (Pas) dan Saudin Kadis (Bebas).

Beliau yakin pengundi kawasan Likas akan terus menyokong calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil di situ.

Perdana Menteri berkata, kemenangan calon BN bagi kawasan itu dalam pilihan raya negeri Sabah pada 1999, bukan kerana kewujudan pengundi hantu.

"Kita (BN) masih harap kita menang kerana kita percaya kita menang dulu pun bukan kerana pengundi hantu. Kalau ada pengundi hantu pun, tak sebanyak kemenangan kita. Sebab itu kita masih berharap kita boleh menang," katanya.

(END)